

Ekonomi tumbuh 5.1 peratus tahun lalu
Utusan Online
Februari 16, 2012

KUALA LUMPUR 15 Feb. - Ekonomi Malaysia tumbuh sebanyak 5.1 peratus bagi keseluruhan tahun 2011 apabila mencatatkan pertumbuhan suku keempat sebanyak 5.2 peratus.

Pertumbuhan suku yang terakhir itu merosot sedikit berbanding 5.8 peratus yang direkod pada suku ketiga.

Bank Negara Malaysia (BNM) dalam kenyataannya berkata, pencapaian itu adalah hasil permintaan dalam negeri yang menggalakkan disokong oleh perbelanjaan sektor swasta dan awam.

Daripada segi penawaran, sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan lebih perlahan manakala sektor perkilangan berkembang pada kadar yang sama seperti suku sebelumnya, mencerminkan persekitaran luaran yang lebih lemah dalam keadaan peningkatan aktiviti dalam negeri yang mampan.

BNM berkata, pertumbuhan sektor lain bertambah baik pada suku tersebut manakala sektor pertanian terus mencatat pertumbuhan yang kukuh.

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 10.5 peratus pada suku keempat didorong oleh perbelanjaan sektor isi rumah dan perniagaan yang terus meningkat dan perbelanjaan sektor awam.

Katanya, penggunaan swasta meningkat sebanyak 7.1 peratus berikutan pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan dan penggunaan awam berkembang sebanyak 23.6 peratus hasil perbelanjaan ke atas emolumen serta bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 8.5 peratus disokong oleh perbelanjaan modal sektor swasta dan perbadanan awam bukan kewangan yang terus berkembang.

Pada suku keempat, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan serta perdagangan dan perindustrian.

Daripada segi penawaran, aktiviti dalam sektor perkhidmatan menjadi sederhana pada suku keempat manakala sektor perkilangan berkembang pada kadar yang sama seperti suku sebelumnya.

"Arah aliran ini mencerminkan persekitaran luaran yang lebih lemah dalam keadaan aktiviti dalam negeri yang mampan.

"Sektor pertanian terus berkembang disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih tinggi manakala pengeluaran perlombongan mencatat penguncupan yang lebih kecil," kata BNM.

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi disokong oleh pelaksanaan projek-projek infrastruktur utama.

Mengulas lanjut prestasi itu, BNM berkata, pemulihan ekonomi global berterusan berlaku pada suku keempat, tetapi pada kadar yang lebih sederhana.

"Bagaimanapun, prospek pertumbuhan telah menjadi semakin tidak menentu dengan meningkatnya risiko bahawa pertumbuhan akan menjadi lebih perlahan," ujarnya.

Bank Pusat itu menambah, bagi ekonomi Malaysia, kadar pertumbuhan yang menggalakkan pada suku keempat telah disokong oleh permintaan dalam negeri yang mampan dalam keadaan permintaan luaran yang lebih lemah.

Pada masa hadapan, persekitaran luaran yang semakin mencabar boleh mengakibatkan risiko yang lebih tinggi terhadap prospek pertumbuhan Malaysia.

"Permintaan dalam negeri dijangka terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh kegiatan sektor swasta yang berterusan. Perbelanjaan sektor awam juga dijangka memberikan sokongan yang kukuh terhadap prestasi pertumbuhan keseluruhan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0216&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_02.htm